



GP12: GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021

BAHAGIAN A : PENGENALAN

Tujuan

Garis Panduan ini dikeluarkan di bawah subseksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta 502) sebagai panduan kepada Jawatankuasa Penaja (Jawatankuasa) dalam persediaan untuk mendaftarkan sesebuah koperasi agar selaras dengan kehendak Akta dan Peraturan-peraturan Koperasi.

Latar Belakang

2. Pelan Transformasi Koperasi Malaysia 2021-2025 (TransKoM) menggariskan Bidang Tujahan 1 untuk mengiktiraf koperasi sebagai pemangkin kepada pertumbuhan sosio-ekonomi Negara. Oleh itu, strategi untuk memasyarakatkan gerakan koperasi dalam kalangan rakyat Malaysia adalah menjadi keutamaan Kerajaan.
3. Dalam usaha merealisasikan pelaksanaan TransKoM, Akta 502 (Pindaan) 2021 telah membuka peluang bagi orang awam untuk mendaftarkan koperasi dengan keanggotaan sekurang-kurangnya 20 orang selaras dengan perenggan 5(1)(a) Akta 502.
4. Walau bagaimanapun, dalam keadaan tertentu penubuhan koperasi dengan keanggotaan kurang daripada lima (5) orang boleh dibenarkan oleh Suruhanjaya sepertimana yang diperuntukkan di bawah subseksyen 8(1) Akta 502.
5. Satu tatacara perlu diwujudkan bagi memudahkan urusan mendaftarkan koperasi bagi orang awam dan meningkatkan kecekapan Suruhanjaya dalam memproses dan meluluskan permohonan pendaftaran sesuatu koperasi. Hasrat ini juga selari dengan perkembangan gerakan koperasi masa kini yang diiktiraf sebagai sektor ketiga penyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	2 / 13
------------------------	---	--------

BAHAGIAN B : PROSES PRAPENDAFTARAN

6. Urusan prapendaftaran sesebuah koperasi bermula dengan pembentukan satu Jawatankuasa Penaja yang terdiri daripada sekurang-kurangnya tiga (3) orang bakal anggota koperasi. Jawatankuasa ini berperanan untuk menghubungi Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah/Negeri dalam mendapatkan nasihat dan bimbingan ke arah untuk mendaftarkan sesebuah koperasi.

7. Selepas mendapatkan nasihat dan bimbingan dalam urusan prapendaftaran sesebuah koperasi, pengguna perlu melakukan tindakan berikut:

- (a) membuat permohonan sesi konsultasi prapendaftaran koperasi secara atas talian melalui **Sistem Permohonan Atas Talian (Online) SKM** atau secara ringkasnya SKM *Online* dapat diakses melalui laman sesawang (<https://www.skm.gov.my>);
- (b) klik pautan daftar pengguna baru dengan mencipta kata laluan dan ID pengguna;
- (c) pengguna akan menerima notifikasi melalui emel yang didaftarkan dan seterusnya pengguna akan mengaktifkan link pada emel tersebut; dan
- (d) pengguna akan klik kembali pada pautan **Sistem Permohonan Atas Talian (Online) SKM** dan klik pada pautan daftar masuk; dan
- (e) pengguna akan memasukkan ID pengguna dan kata laluan yang telah didaftarkan dan klik log masuk.

Panduan Penggunaan Nama Koperasi

8. Cadangan nama koperasi hendaklah mematuhi perkara seperti berikut:

- (a) nama koperasi yang dicadangkan tidak menyamai atau hampir dengan nama koperasi sedia ada yang telah didaftarkan;
- (b) nama ringkas atau singkatan hendaklah diberi tafsiran dalam Undang-undang Kecil;
- (c) menggunakan bahasa dan ejaan yang betul;
- (d) tidak mencerca atau dianggap menghina orang awam;
- (e) bukan nama yang kurang sopan, menghina atau mengelirukan dari segi identiti dan objek;

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	3 / 13
------------------------	---	--------

- (f) perkataan yang menyentuh atau melambangkan unsur keagamaan atau kepercayaan atau melambangkan unsur sesuatu agama tidak dibenarkan;
- (g) penggunaan nama tokoh terkenal perlu mendapat kebenaran daripada individu berkenaan atau waris;
- (h) mengandungi perkataan yang buruk atau yang mungkin menyinggung perasaan masyarakat;
- (i) nama yang merujuk kepada agensi, entiti atau organisasi dan nama yang disebut secara khusus dalam mana-mana undang-undang bertulis lain hendaklah memperoleh persetujuan bertulis terlebih dahulu daripada pihak berkenaan (kementerian, agensi, pertubuhan, syarikat, institusi, sekolah atau organisasi lain yang berkaitan); dan
- (j) perkataan “**Koperasi**” hendaklah menjadi sebahagian daripada nama koperasi dan perkataan “**Berhad**” menjadi perkataan yang terakhir dalam nama sesuatu koperasi selaras dengan subseksyen 7(4) dan 7(5) Akta 502.

9. Nama koperasi hendaklah menggambarkan identiti koperasi yang tersendiri. Identiti koperasi boleh ditentukan berasaskan antara lain kepada perkara berikut:

- (a) fungsi yang akan dijalankan iaitu perbankan, kredit, pertanian, perumahan, perindustrian, pengguna, pembinaan, pengangkutan atau perkhidmatan;
- (b) lokaliti (kawasan atau daerah atau negeri) koperasi itu;
- (c) pekerjaan anggotanya seperti tentera, polis, guru, kakitangan kerajaan, kakitangan bank dan swasta;
- (d) pekerja sesuatu organisasi, seperti jabatan;
- (e) penuntut sesuatu institusi; atau
- (f) komuniti seperti kawasan perumahan, kariah masjid, Orang Kelainan Upaya (OKU), keluarga, persatuan.

10. Koperasi dilarang menggunakan nama yang bertentangan dengan perlembagaan, undang-undang dan tidak mempunyai unsur negatif. Nama koperasi tidak boleh menggunakan perkataan yang dilarang peruntukan undang-undang lain mengenai larangan penggunaan perkataan tertentu tanpa kebenaran pihak yang mentadbir dan mengawalselia undang-undang berkenaan.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	4 / 13
------------------------	---	--------

Tatacara Pengisian Borang Prapendaftaran

11. Panduan lengkap pengisian borang prapendaftaran koperasi secara atas talian adalah seperti di Lampiran A. Akuan terima prapendaftaran akan diberikan dalam masa tiga (3) hari bekerja dan pengguna boleh menyemak dan mencetak surat tersebut secara atas talian.

12. Selepas Jawatankuasa Penaja menerima akuan terima prapendaftaran, sesi konsultasi prapendaftaran diadakan dalam tempoh tiga (3) bulan sehingga mesyuarat agung permulaan diadakan. Sesi konsultasi tersebut hendaklah merangkumi:

- (a) Jawatankuasa Penaja menghadiri sesi temuduga;
- (b) Jawatankuasa Penaja mengemukakan maklumat tambahan penubuhan (mengandungi maklumat asas rancangan perniagaan sepertimana yang dinyatakan di dalam peraturan 3 Peraturan-Peraturan Koperasi 2010); dan
- (c) Jawatankuasa Penaja mengadakan taklimat kepada bakal anggota.

13. Perincian bagi sesi konsultasi tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Suruhanjaya akan memanggil tiga (3) orang Jawatankuasa Penaja bagi memberikan taklimat/khidmat nasihat berkaitan persediaan untuk mengadakan perjumpaan dengan bakal anggota/kumpulan sasar. **Kit Pendaftaran Koperasi** akan diberikan kepada Jawatankuasa Penaja sebagai rujukan bagi sesuatu permohonan pendaftaran koperasi yang mengandungi:
 - (i) Contoh Minit Mesyuarat Agung Permulaan;
 - (ii) Borang Permohonan Pendaftaran Koperasi (Jadual Pertama Peraturan-Peraturan Koperasi 2010);
 - (iii) Brosur Hak Dan Tanggungjawab Anggota Lembaga Koperasi (ALK);
 - (iv) Brosur Hak Dan Tanggungjawab Anggota; dan
 - (v) Format Undang-undang Kecil Seragam.
- (b) Susulan itu, taklimat kepada bakal anggota akan diadakan bagi memberikan kesedaran dan menentukan keperluan bersama ke atas koperasi yang dicadangkan dengan memastikan ianya dapat memenuhi keperluan sosio-ekonomi melalui aktiviti perniagaan yang akan dilaksanakan oleh koperasi;

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	5 / 13
------------------------	---	--------

- (c) Jawatankuasa Penaja perlu menyediakan kertas kerja rancangan perniagaan (sekurang-kurangnya mengandungi maklumat asas rancangan perniagaan), unjuran kewangan dan melengkapkan kit pendaftaran koperasi;
- (d) Jawatankuasa Penaja akan dipanggil untuk menghadiri sesi temuduga/sesi *pitching* dan perlu membawa bersama dokumen sokongan tersebut di atas;
- (e) Setelah Suruhanjaya Cawangan Negeri berpuashati dengan pematuhan ke atas perkara dinyatakan, surat menyatakan koperasi ini layak untuk didaftarkan akan diberikan kepada Jawatankuasa Penaja dalam tempoh tiga (3) hari bekerja selepas selesai sesi temuduga/sesi *pitching* tersebut; dan
- (f) Jawatankuasa Penaja akan melakukan tindakan susulan bagi persediaan melakukan mesyuarat agung permulaan dan seterusnya penyediaan dokumen bagi permohonan pendaftaran koperasi.

BAHAGIAN C : PELAKSANAAN MESYUARAT AGUNG PERMULAAN

14. Sebelum koperasi boleh didaftarkan, Jawatankuasa Penaja hendaklah mengadakan mesyuarat agung permulaan selaras dengan seksyen 38 Akta 502 Mesyuarat agung permulaan ini hendaklah mempunyai segala kuasa yang seumpama sebagaimana dalam mesyuarat agung tahunan di bawah seksyen 39 Akta 502 dan bakal anggota itu hendaklah mempunyai hak yang sama pada mesyuarat agung permulaan itu sebagaimana yang diperuntukkan di bawah peraturan-peraturan dan Undang-undang Kecil.

15. **Tarikh sah tempoh prapendaftaran adalah tiga (3) bulan dari tarikh surat maklum balas prapendaftaran.** Sekiranya Jawatankuasa Penaja gagal mengadakan mesyuarat agung permulaan dalam tempoh tersebut, maka prapendaftaran itu terbatal dengan sendirinya kecuali Suruhanjaya menerima permohonan pelanjutan tempoh prapendaftaran dan Suruhanjaya membenarkan lanjutan tempoh prapendaftaran tersebut.

16. Jawatankuasa Penaja hendaklah menetapkan tarikh mesyuarat agung permulaan dan menghantar notis mesyuarat dalam tempoh yang munasabah kepada bakal anggota dan Suruhanjaya.

Tindakan Sebelum Mesyuarat Agung Permulaan

17. Koperasi hendaklah merujuk kepada Undang-undang Kecil seragam yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dan mendapatkan nasihat dan pandangan pegawai

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	6 / 13
------------------------	---	--------

Suruhanjaya dalam menggubal Undang-undang Kecil, khasnya mengenai perkara berikut:

- (a) aktiviti koperasi yang dirancang hendak dilaksanakan. Koperasi perlu menjalankan aktiviti utama terlebih dahulu iaitu aktiviti yang mempunyai keperluan/kepentingan bersama anggota. Contohnya koperasi memilih fungsi pengguna, maka aktiviti yang akan dijalankan adalah aktiviti yang menjurus kepada fungsi pengguna seperti berikut:
 - (i) pasar raya;
 - (ii) pasar mini;
 - (iii) restoran;
 - (iv) kedai buku;
 - (v) kantin dan lain-lain.
- (b) menentukan bakal anggota/kumpulan sasar anggota koperasi dengan lebih khusus dengan menetapkan syarat kelayakan yang sesuai untuk menjadi anggota;
- (c) menentukan syer bagi perolehan hak, kewajipan dan liabiliti anggota yang mampu dimiliki oleh anggota;
- (d) menetapkan bilangan komposisi ALK dengan jelas tidak kurang daripada tiga (3) orang dan tidak lebih daripada 15 orang mengikut kesesuaian;
- (e) tidak ada sekatan kepada mana-mana anggota untuk memegang apa-apa jawatan dalam koperasi melalui penentuan pemilikan syer;
- (f) penetapan jumlah syer minimum bagi setiap anggota hendaklah berdasarkan kepada jumlah modal permulaan yang diperlukan untuk membiayai aktiviti pertama koperasi yang mesti disumbang oleh anggota.
 - Contohnya, bagi koperasi asas yang berhasrat menjalankan kedai runcit yang memerlukan modal permulaan sebanyak RM10,000.00 dan bilangan anggota ialah 20 orang, maka jumlah minimum syer individu ialah RM500.00. Apabila aktiviti utama telah dilaksanakan, koperasi bolehlah merancang untuk menjalankan aktiviti lain yang dibolehkan di bawah Undang-undang Kecil koperasi berkenaan;

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	7 / 13
------------------------	---	--------

- (g) kawasan operasi sesuatu koperasi asas merupakan kawasan di mana anggota-anggota koperasi itu tinggal atau bekerja atau memiliki tanah. Peringkat permulaan penubuhan koperasi lazimnya kawasan operasi koperasinya terhad kepada suatu kawasan atau daerah atau wilayah atau bahagian atau negeri. Walau bagaimanapun, Suruhanjaya boleh mempertimbangkan kawasan operasi yang lebih luas mengikut keperluan. Jika koperasi berhasrat untuk menetapkan kawasan operasinya meliputi satu negeri atau lebih, **koperasi perlu mendapatkan kelulusan GP14A: Pengecualian Pemakaian Seksyen 37 Akta Koperasi 1993 Mengenai Mesyuarat Agung Perwakilan daripada Suruhanjaya terlebih dahulu**; dan
- (h) koperasi hendaklah menentukan alamat berdaftar atau premis koperasi sebagai pusat perhubungan yang mudah bagi anggota atau pegawai Suruhanjaya atau pihak lain untuk berurusan dengan koperasi di mana semua dokumen koperasi disimpan.

18. Sekiranya masih terdapat sebarang masalah atau keraguan mengenai Undang-undang Kecil koperasi, rujukan hendaklah dibuat kepada pihak Suruhanjaya.

19. Semua permohonan prapendaftaran koperasi akan diproses di peringkat Suruhanjaya Negeri. Prapendaftaran adalah berdasarkan syarat berikut:

(a) **Syarat Am**

- (i) koperasi digalakkan menggunakan Undang-undang Kecil seragam yang disediakan oleh Suruhanjaya;
- (ii) koperasi tidak dibenarkan menjalankan aktiviti perbankan dan kredit tanpa terlebih dahulu mendapatkan kelulusan daripada Suruhanjaya; dan
- (iii) taburan keanggotaan bagi koperasi baharu seeloknya tidak bertindih dengan keanggotaan koperasi sedia ada seperti koperasi rukun tetangga, koperasi perumahan dan koperasi kariah masjid.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	8 / 13
------------------------	--	--------

(b) Syarat Khas

Suruhanjaya berhak untuk menentukan atau meminda mana-mana peruntukan Undang-undang Kecil yang bertentangan atau bercanggah dengan perundangan koperasi atau selepas mengambilkira kepentingan masyarakat setempat, antaranya termasuklah perkara berikut:

- (i) sebutan (*citation*) dan tafsiran;
- (ii) nama koperasi;
- (iii) kawasan operasi koperasi;
- (iv) sasaran anggota koperasi;
- (v) aktiviti koperasi;
- (vi) bilangan ALK;
- (vii) bilangan Jawatankuasa Audit Dalaman koperasi;
- (viii) tahun kewangan koperasi bermula dan berakhir; dan
- (ix) modal syer dan yuran.

Tindakan Semasa Mesyuarat Agung Permulaan

20. Jawatankuasa Penaja hendaklah merekodkan senarai kehadiran bagi semua anggota yang turut serta di dalam mesyuarat agung permulaan tersebut, yang mengandungi butiran berikut:

- (a) Nama;
- (b) Nombor kad pengenalan; dan
- (c) Tandatangan

Senarai kehadiran ini adalah menjadi sebahagian daripada dokumen pendaftaran dan hendaklah dikemukakan bersama dengan minit mesyuarat agung permulaan.

21. Jawatankuasa hendaklah menjalankan mesyuarat agung permulaan mengikut agenda berikut:

- (a) bersetuju untuk mengemukakan permohonan pendaftaran koperasi;
- (b) menerima pakai Undang-undang Kecil yang dicadangkan;
- (c) memilih ALK;

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	9 / 13
------------------------	---	--------

- (d) menimbang dan meluluskan belanjawan tahunan;
- (e) meluluskan cadangan elaun dan saraan yang akan diberikan kepada ALK;
- (f) meluluskan pelantikan satu panel yang terdiri daripada tidak kurang daripada dua (2) orang juruaudit yang diluluskan oleh Suruhanjaya atau seorang pegawai Suruhanjaya untuk mengaudit akaun koperasi;
- (g) menimbang dan meluluskan ruang lingkup dan had pelaburan yang dibiayai oleh wang lebihan koperasi;
- (h) menentukan had maksimum keterhutangan koperasi; dan
- (i) menjalankan apa-apa perkara lain sebagaimana yang dikehendaki oleh Undang-undang Kecilnya atau Suruhanjaya.

Tindakan Selepas Mesyuarat Agung Permulaan

22. Jawatankuasa Penaja hendaklah mengisi Borang Permohonan Pendaftaran Koperasi sepertimana kehendak subperaturan 3(1) Peraturan-peraturan Koperasi 2010 (Jadual Pertama) dengan lengkap dan ditandatangani oleh:

- (a) sekurang-kurangnya lima (5) orang bakal anggota bagi kes koperasi asas sepertimana kehendak perenggan 6(1)(a) Akta 502;
- (b) seorang wakil daripada sekurang-kurangnya dua (2) koperasi asas dan surat kelulusan mesyuarat agung koperasi untuk menjadi anggota sesuatu koperasi menengah sepertimana kehendak perenggan 6(1)(b) Akta 502; dan
- (c) seorang wakil daripada sekurang-kurangnya dua (2) koperasi menengah atau sekurang-kurangnya satu (1) koperasi asas dan satu (1) koperasi menengah dan surat kelulusan mesyuarat agung koperasi untuk menjadi anggota sesuatu koperasi atasan sepertimana kehendak perenggan 6(1)(b) Akta 502.

23. Semua pemohon yang menandatangani Jadual Pertama hendaklah menandatangani satu (1) helaian terakhir Undang-undang Kecil yang telah dibentang dan diluluskan di mesyuarat agung permulaan tersebut.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	10 / 13
------------------------	---	---------

24. Jawatankuasa Penaja bertanggungjawab untuk memastikan nama, nombor kad pengenalan dan tandatangan di senarai kehadiran, Jadual Pertama dan helaian terakhir Undang-undang Kecil itu adalah sama.

25. Minit mesyuarat agung permulaan hendaklah ditandatangani oleh:

- (a) sekurang-kurangnya sepuluh (10) orang bakal anggota yang hadir bagi koperasi asas sepertimana kehendak perenggan 6(2)(b) Akta 502;
- (b) semua yang hadir bagi koperasi tertentu yang didaftarkan di bawah subseksyen 8(2) Akta 502; atau
- (c) dalam hal bagi koperasi menengah atau koperasi atasan, semua yang hadir yang diberi kuasa sewajarnya.

26. Jawatankuasa Penaja juga hendaklah mengemukakan:

- (a) satu senarai 20 orang yang bersetuju untuk menjadi anggota koperasi berkenaan bagi memenuhi kehendak perenggan 5(1)(a) Akta 502;
- (b) satu senarai semua yang hadir yang bersetuju untuk menjadi anggota koperasi mengikut subseksyen 8(1) Akta 502; atau
- (c) satu senarai semua yang hadir yang diberi kuasa sewajarnya bagi koperasi menengah atau koperasi atasan.

27. Semua dokumen pendaftaran bagi perkara (a) hingga (c) **hendaklah disahkan** oleh Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah **tidak lewat daripada satu bulan** selepas mesyuarat agung permulaan sebelum dokumen tersebut dimuatnaik dalam Sistem eDaftar manakala **dokumen asal** di perkara (d) hendaklah dikemukakan kepada Suruhanjaya Ibu Pejabat seperti berikut.

- (a) Borang Permohonan Pendaftaran (Jadual Pertama) **yang disahkan oleh Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah - satu (1) salinan**
- (b) Minit Mesyuarat Agung Permulaan **yang disahkan oleh Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah** beserta senarai bakal anggota - **satu (1) salinan**;
- (c) Bukti pembayaran fi pendaftaran **yang disahkan oleh Suruhanjaya Daerah/Bahagian/Wilayah** selaras dengan subseksyen 7(1) Akta 502; dan

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	11 / 13
------------------------	---	---------

- (d) Helaian terakhir **tandatangan asal** Undang-undang Kecil yang telah diluluskan dan diterima dalam mesyuarat agung permulaan - **satu (1) salinan dikemukakan kepada Suruhanjaya Ibu Pejabat.**

28. Koperasi akan didaftarkan dalam tempoh tujuh (7) hari bekerja daripada tarikh terimaan dokumen yang lengkap dan sempurna di peringkat Suruhanjaya Ibu Pejabat melalui Sistem eDaftar.

29. Koperasi yang telah didaftarkan akan dapat memuat turun dokumen berikut:

- (a) satu (1) Sijil Perakuan Pendaftaran Koperasi yang telah didaftarkan itu; dan
- (b) satu (1) naskah Undang-undang Kecil koperasi yang telah didaftarkan itu.

BAHAGIAN D : LARANGAN SEBELUM KOPERASI DIDAFHTARKAN

30. Jawatankuasa Penaja adalah dilarang daripada melakukan perkara berikut selagi koperasi belum didaftarkan:

- (a) membuat sebarang kutipan wang;
- (b) menggunakan nama atau logo koperasi; dan
- (c) syarat lain yang dinyatakan oleh Suruhanjaya.

PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUAT KUASA

31. Garis Panduan ini **menggantikan** GP12: Garis Panduan Penubuhan Koperasi bertarikh 24 November 2010.

32. Garis Panduan ini akan membatalkan pekeliling berikut:

- (a) Pekeliling mengenai Penubuhan dan Pendaftaran Koperasi bertarikh April 2008;
- (b) Pekeliling mengenai Permohonan Untuk Mendaftarkan Koperasi bertarikh 11 Mei 2009 dan 18 Mei 2009; dan
- (c) Pekeliling mengenai Penggunaan Nama Koperasi bertarikh 4 Januari 2006 dan 5 Februari 2014.

SKM – BSP / e-REG / GP	GP12 : GARIS PANDUAN PRAPENDAFTARAN KOPERASI (PINDAAN) 2021	12 / 13
------------------------	---	---------

33. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa. Suruhanjaya boleh menolak mana-mana permohonan prapendaftaran atau pendaftaran yang tidak mematuhi garis panduan ini.

34. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai tarikh ia dikeluarkan.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(HAJI ZAZALI BIN HARON)

Timbalan Pengerusi Eksekutif
Suruhanjaya Koperasi Malaysia


Tarikh: 24 Jun 2021

“Peneraju Kecemerlangan Koperasi”

LAMPIRAN A

TATACARA PENGISIAN BORANG PRAPENDAFTARAN

Panduan lengkap pengisian borang prapendaftaran koperasi adalah seperti berikut:



Pengguna perlu membaca dan memahami prasyarat prapendaftaran di dalam Sistem Prapendaftaran Online dan seterusnya klik tanda setuju ke atas syarat yang ditetapkan oleh Suruhanjaya.

**** Akuan terima prapendaftaran akan diberikan dalam masa tiga (3) hari bekerja dan pengguna boleh menyemak dan mencetak surat tersebut secara atas talian**